

**AN ANALYSIS OF POVERTY DETERMINATION APPROACH POST COVID-19**

**ANALISIS KAEDAH PENENTUAN KEMISKINAN PASCA COVID-19**

Nurfitriyah Salihah Shaharini<sup>i</sup>, Azri Bhari<sup>ii</sup>, Mohd Faiz Mohamed Yusof<sup>iii</sup> & Mohd Ashrof Zaki Yaakob<sup>iv</sup>

- <sup>i</sup> Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. fitriyahuitm@gmail.com  
<sup>ii</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. azrib178@uitm.edu.my  
<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. faizyusof@uitm.edu.my  
<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. ashrof@uitm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The COVID-19 epidemic that has hit the world and Malaysia at this time has had huge implications on life. This epidemic not only threatens human health but also affects the educational, social, financial and psychological, status of society. The enforcement of the movement control order (PKP) by the government to curb the spread of this epidemic has seen the financial fragility of the Malaysian community, especially those who are self-employed or dependent on small businesses. This in turn leads to the emergence of new poor who continue to increase every day. This will make it difficult to identify and classify the B40, M40, and T20 groups because the existing poverty classification parameters now overlap. Therefore, this study will analyze the poverty determination approach after the outbreak to classify and measure poverty in more realistic society. Thus, this study uses a qualitative approach based on a library survey. The study found that the poverty rate increased as a result of the revision of the Poverty Line Income Limit (PGK) by the Department of Statistics Malaysia. The implications of this study found that unidimensional, multidimensional and had kifayah measures of poverty are complementary in identifying the poor. This is because the question of determining the poverty line is not much different when household income is taken into account to determine the poverty rate.</i></p> <p>Keywords: <i>Poverty, Undimension, Multidimension, Had Kifayah, COVID-19.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Wabak COVID-19 yang telah melanda dunia dan Malaysia ketika ini telah memberikan implikasi yang sangat besar kepada seluruh lapisan masyarakat. Wabak ini bukan sahaja mengancam kesihatan manusia bahkan turut menjejaskan status pendidikan, sosial, kewangan dan psikologi masyarakat. Penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan (PKP) oleh kerajaan bagi membendung penularan wabak ini telah menyaksikan kerapuhan kewangan masyarakat Malaysia khususnya mereka yang bekerja sendiri ataupun bergantung pada perniagaan kecil. Ini sekaligus membawa kepada kemunculan golongan miskin baharu yang terus meningkat saban hari. Hal ini akan menyukarkan usaha mengenal pasti dan mengklasifikasikan kumpulan B40, M40 serta T20 lantaran parameter klasifikasi kemiskinan sedia ada kini bertindih. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis kaedah penentuan kemiskinan</i></p>

*selepas wabak berlaku bagi mengklasifikasi dan mengukur kemiskinan dalam masyarakat yang lebih realistik. Justeru, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan tinjauan kepustakaan. Kajian mendapati bahawa kadar kemiskinan meningkat hasil semakan semula Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Implikasi dari kajian ini mendapati bahawa ukuran kemiskinan unidimensi, multidimensi dan had kifayah adalah saling melengkapi dalam mengenalpasti orang miskin. Ini kerana soal penentuan garis kemiskinan tidak jauh beza apabila pendapatan isi rumah diambil kira bagi menentukan kadar kemiskinan.*

*Kata kunci: Kemiskinan, Unidimensi, Multidimensi, Had Kifayah, COVID-19.*

## PENDAHULUAN

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai prestasi pertumbuhan ekonomi yang amat memberangsangkan hasil pelaksanaan pelbagai transformasi model ekonomi. Selepas krisis ekonomi dunia pada tahun 1997-1998, Malaysia dijangka akan menuju ke arah negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2024 (World Bank, 2020). Walaubagaimanapun, krisis COVID-19 ini dilihat akan mengakibatkan kesan buruk kepada ekonomi Malaysia berikutan kemelesetan ekonomi dan kewangan global yang mendadak. Kejutan ke atas permintaan dan bekalan akhir serentak telah menyebabkan gangguan rantaian bekalan dalam sektor komoditi di Malaysia dan ekonomi dalam negeri (BNM, 2020).

Langkah-langkah pembendungan krisis kesihatan ini melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memburukkan lagi keadaan ekonomi, apabila berlakunya ketidakseimbangan antara pendapatan yang ketara dengan penutupan operasi sebahagian industri tertentu seperti industri makanan dan minuman, industri pembinaan dan pembuatan, industri pelancongan, serta industri pertanian, dan perkhidmatan. Ini sekaligus mengakibatkan ramai kehilangan pekerjaan.

Sekatan secara meluas dan penghindaran aktiviti berkaitan dengan perjalanan telah menjejaskan sektor pelancongan Malaysia. Kemosotan ketibaan pelancong yang mendadak memberikan impak yang nyata kepada perbelanjaan dalam sektor berkaitan pelancongan. Antaranya hotel, perdagangan runcit, makanan dan minuman serta perkhidmatan pengangkutan (BNM, 2020).

Selain itu, pandemik ini turut memberi impak yang besar khususnya kepada ekonomi isi rumah di Malaysia yang berpendapatan rendah atau B40, golongan terpinggir dan belia (PENJANA, 2020). Kumpulan ini adalah golongan berisiko terdedah kepada kejutan ekonomi dan kenaikan kos sara hidup yang berlaku (World Bank, 2020). Di Amerika Syarikat, seramai 20.5 juta penduduk hilang pekerjaan sejak April lalu dan menyebabkan kadar pengangguran paling tinggi dicatatkan dalam sejarah.

Berdasarkan Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020, kadar pengangguran di Malaysia meningkat kepada 5.0 peratus berbanding 48.8 peratus tahun sebelumnya kepada 778.8 ribu orang. Justeru, tahap pengangguran dijangka lebih tinggi berbanding krisis kewangan yang pernah menimpa negara sebelum ini.

Menurut Summer (2020), kemiskinan global pertama kalinya akan meningkat lebih ketara sejak tahun 1990. Ini bermaksud COVID-19 adalah cabaran sebenar Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dalam agenda pertamanya untuk menamatkan kemiskinan sepenuhnya menjelang tahun 2030. Bank Dunia meramalkan kira-kira 71 juta akan mengalami kemiskinan ekstrem global pada tahun 2020. Kemiskinan ekstrem ditakrifkan sebagai individu yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan antarabangsa sebanyak \$1.90 bersamaan RM 8 sehari. Walau bagaimanapun, garis kemiskinan bagi negara berpendapatan rendah-menengah adalah sebanyak \$3.20 dan \$5.50 namun ia bukan pengganti kepada paras garis kemiskinan antarabangsa (World Bank, 2018).

Kemiskinan merujuk kepada ketidakupayaan mencapai taraf keperluan hidup yang minimum (World Bank, 2018). Buktinya, impak krisis COVID-19 ini telah mengakibatkan

masyarakat terpaksa bergelut menguruskan kewangan sehingga memberi impak kepada kesejahteraan ekonomi diri dan keluarga. Selain sumber pendapatan yang semakin kecil dan terhad, situasi menjadi lebih parah apabila kehidupan seharian sukar diteruskan disebabkan tiada simpanan kecemasan (Fazli, 2020).

Hasil kajian Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati sebanyak 71.4 peratus responden yang bekerja sendiri mempunyai simpanan yang hanya mencukupi untuk tempoh kurang daripada sebulan. Hal ini berbeza dengan pekerja swasta yang mana 82.7 peratus responden didapati mempunyai simpanan kewangan yang mencukupi untuk tempoh dua bulan. Justeru, ia jelas menunjukkan bahawa umumnya rakyat Malaysia tidak mempunyai dana kecemasan yang mencukupi sekiranya berlaku perkara di luar jangkaan.

Jelaslah di sini bahawa COVID-19 berpotensi meningkatkan kadar pengangguran. Kemiskinan yang menimpa seseorang di saat pandemik ini memberikan impak yang sangat besar ke atas ekonomi dan sosial terutamanya masyarakat berpendapatan menengah. Pengkaji mendapati semakin rendah pendapatan masyarakat, maka semakin berpotensi mereka mengalami pengurangan pendapatan berbanding masyarakat berpendapatan yang lebih tinggi.

Situasi ini sekaligus boleh mengakibatkan sebahagian masyarakat yang telah bebas daripada cengkaman kemiskinan kembali semula ke dalam jurang kemiskinan. Masyarakat yang miskin pula semakin dihimpit kemiskinan. Ekoran pandemik COVID-19 yang berlaku, pentakrifan konsep kemiskinan akan dianalisis semula bagi mengenalpasti pengukuran kemiskinan yang sebenar. Ini sekaligus membolehkan kerajaan dapat menyalurkan bantuan kepada kumpulan sasar dengan lebih tepat.

### **Impak COVID-19 Terhadap Peningkatan Asnaf Fakir & Miskin**

Penutupan sektor ekonomi, pendidikan dan perkhidmatan telah menyebabkan masyarakat menjalani kehidupan yang luar daripada kebiasaan untuk tempoh agak lama dan ia pastinya bukanlah suatu yang mudah. Umumnya, tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan memberikan banyak kelebihan untuk seorang individu menghabiskan masa kualiti bersama keluarga. Namun untuk segelintir masyarakat, mereka terpaksa bergelut dengan kehidupan mereka yang terjejas akibat pandemik yang berlaku secara tiba-tiba (Eikhwan & Mahirah, 2020).

Peningkatan kes positif COVID-19 yang meningkat secara berterusan telah memberi kesan langsung kepada pemilik atau pekerja perusahaan kecil dan sederhana, penjaja dan peniaga kecil, pemandu e-hailing yang kehilangan mata pencarian mereka. Apabila ramai individu yang kehilangan pekerjaan, maka kadar pengangguran meningkat dan punca pendapatan rakyat, terutama B40 akan terkesan lebih teruk lagi, berlaku kejutan permintaan dalam ekonomi dan akhirnya menyebabkan banyak lagi perniagaan 'gulung tikar' pada masa akan datang (Irwan, 2020). Kumpulan isi rumah B40 merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan tidak melebihi RM4,360.00. Berdasarkan ukuran pendapatan, B40 merangkumi tiga kumpulan iaitu miskin tegar, miskin, dan kumpulan yang berpendapatan kurang RM4,360.00 (Chamhuri et al., 2019).

Selain kumpulan B40, impak pandemik COVID-19 turut dirasai oleh golongan terpinggir seperti warga emas, kanak-kanak, wanita, belia, Orang Kelainan Upaya (OKU), Bumiputera di Sabah dan Sarawak, komuniti Orang Asli. Kumpulan ini adalah kumpulan berisiko mudah terdedah dari segi pekerjaan dan pendapatan akibat pandemik COVID-19 (Junaidi & Mohd, 2020). Merujuk kepada fatwa Majlis Ugama Islam Singapura, golongan yang terjejas dengan COVID-19 adalah golongan yang memerlukan.

### **Ukuran Kemiskinan Unidimensi**

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah menjejaskan pendapatan isi rumah. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan, kerajaan telah mengambil inisiatif memberikan bantuan tunai kepada isi rumah berpendapatan B40 yang berpendapatan RM 4,000 ke bawah dan

golongan M40 yang berpendapatan RM 8,000 ke bawah yang terjejas sumber pendapatan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan bantuan yang diberikan mengambil kira pendapatan isi rumah sebagai kriteria utama.

Umumnya, kebanyakan negara sejak dahulu lagi telah menggunakan dimensi kesejahteraan ekonomi sebagai sebagai kayu ukur untuk mengukur kemiskinan bagi menentukan golongan miskin dan bukan miskin. Pengukurannya adalah berdasarkan dimensi pendapatan atau kewangan semata-mata atau dalam erti kata lain ukuran kemiskinan unidimensi (Norzita & Hadijah, 2014).

Pendekatan menggunakan pendapatan ini diterima pakai oleh banyak pihak termasuklah Bank Dunia. Pada 1990, Bank Dunia menetapkan USD370 setahun atau USD1 seorang sehari (pada harga tahun 1985) sebagai titik ambang kemiskinan. Garis kemiskinan USD1 seorang sehari ini (telah dinaikkan menjadi USD1.08 pada 1993 mengikut indeks harga pengguna) adalah anggaran jumlah minimum wang yang diperlukan untuk membeli keperluan asas dan membolehkan manusia terus hidup.

Pendapatan merujuk aliran sumber ekonomi yang dimiliki dan diterima oleh seorang individu atau isi rumah secara berterusan sama ada dalam bentuk upah, gaji serta wang yang diterima dengan bekerja sendiri atau sumber lain seperti hartanah, pencen dan sumbangan sosial. Pendapatan isi rumah yang meningkat membolehkan masyarakat memperoleh tahap kesejahteraan yang lebih baik terutamanya jangka hayat, pendidikan dan pencapaian. Hal ini sudah tentulah mereka yang mempunyai pendapatan tinggi dapat mencapai taraf hidup yang lebih sejahtera berbanding mereka yang berpendapatan rendah (OECD, 2013).

Di Malaysia, pengukuran kemiskinan berdasarkan dimensi pendapatan adalah berdasarkan pendapatan garis kemiskinan (PGK). Kaedah ini digunakan bagi sebagai pengukuran kemiskinan mutlak dan relatif. PGK adalah jumlah pendapatan isi rumah minimum yang membolehkan sebuah isi rumah dapat memenuhi keperluan asas dan menikmati taraf hidup yang selesa (Chamhuri, 2001).

Pengiraan PGK terdiri daripada PGK makanan dan PGK bukan makanan. Perbelanjaan minimum untuk PGK makanan mestilah mengambil kira harga runcit barangan makanan tersebut untuk sebulan dengan keperluan harian kalori yang diperlukan setiap individu dengan mengambil kira makanan seimbang yang terdiri daripada bijirin, protein dan lemak, sayur-sayuran dan buah-buahan serta kekacang. PGK bukan makanan terdiri daripada pakaian, perumahan, pengangkutan dan perbelanjaan lain adalah dikira berasaskan kepada penyiasatan perbelanjaan isi rumah.

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), Penetapan had pendapatan garis kemiskinan nasional telah meningkat kepada RM 2,080 bagi tahun 2019 berbanding RM 980 sebulan mengikut metodologi PGK tahun 2005 dan 2016. Penetapan had kemiskinan yang baharu ini lebih menggambarkan realiti sebenar kehidupan masyarakat Malaysia meskipun ia dijangka akan menyebabkan ramai isi rumah tergolong dalam kalangan isi rumah miskin (KPWKM, 2020). Sebuah isi rumah dianggap miskin sekiranya jumlah pendapatan mereka berada bawah paras PGK.

Chamhuri (2001) menyatakan pengukuran kemiskinan berdasarkan PGK ini mempunyai beberapa kelemahan tertentu. Pertama, dimensi pendapatan tidak menggambarkan kemiskinan dan taraf hidup isi rumah tersebut secara menyeluruh. Kedua, PGK tidak dapat menggambarkan realiti sebenar masalah kemiskinan yang dihadapi oleh sebuah isi rumah sama ada berada di bawah PGK atau lebih jauh dari had PGK. Apabila pengukuran kemiskinan hanya berpandukan pendapatan semata-mata, maka semakin besar jurang kemiskinan yang berlaku. Justeru akan menyukarkan lagi untuk kerajaan mengenalpasti kekurangan individu atau isi rumah semasa pandemik COVID-19.

### **Ukuran Kemiskinan Multidimensi**

Pandemik COVID-19 turut memperlihatkan ketidakseimbangan serta jurang dalam kalangan masyarakat. Jurang ini bukan sahaja berlaku dari segi pendapatan bahkan ia adalah kekurangan dari aspek dimensi yang lain terutamanya kesihatan, pendidikan dan

kualiti taraf hidup. Misalnya, ketidakmampuan membeli alat peranti untuk tujuan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan limitasi capaian internet menjadi punca pelajar ketinggalan dalam pelajaran dan secara tidak langsung mewujudkan jurang antara pelajar bandar dan luar bandar.

Oleh itu, kaedah pengukuran kemiskinan multidimensi dilihat sesuai sebagai usaha untuk merapatkan jurang kemiskinan ini. Kini dibuktikan lagi dengan usaha kerajaan untuk mencapai kesemua objektif dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) sebelum menjelang tahun 2030 iaitu membasmi kemiskinan dalam pelbagai bentuk dan dimensi. Beberapa pengkaji juga turut menyarankan agar kemiskinan ini dibanteras dengan menggunakan pendekatan pelbagai dimensi. Hal ini demikian kerana penggunaan pendekatan unidimensi adalah terbatas (Alkire & Seth, 2009).

Menurut (Alston, 2019), kadar garis kemiskinan sebenarnya jauh lebih tinggi dalam angka rasmi kerajaan dan mencadangkan agar pengukuran kemiskinan dinilai semula. Ini kerana kadar kemiskinan di negara ini menurun daripada 0.6 peratus pada 2014 kepada 0.4 peratus pada 2016 tidak menggambarkan realiti kemiskinan sebenar. Kemiskinan adalah mereka yang hidup dengan perbelanjaan kurang \$1.90 atau bersamaan RM 7.95 sehari. Menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), individu atau pendapatan isi rumah yang tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas hidup ditakrifkan sebagai miskin pendapatan. Bahkan, seramai 1.3 bilion penduduk bagi 101 buah negara di dunia hidup dalam kemiskinan multidimensi (OPHI, 2018).

Hakikat ini secara langsung menunjukkan bahawa kemiskinan bukan sahaja atas faktor kekurangan pendapatan atau wang ringgit tetapi ia juga turut dipengaruhi oleh dimensi kemiskinan yang lain. Atas sebab wujud dimensi yang pelbagai inilah yang menjadikan kemiskinan tetap berlaku dan masih kekal hingga hari ini.

Menurut (Walken, R., 2015), kemiskinan multidimensi ditakrifkan sebagai kepelbagaian yang merangkumi kekurangan sumber kewangan, kekurangan material, pengasingan kelas sosial, penyisihan dan kurangnya pengaruh, kelemahan fizikal dan psikologi. Di samping itu, Kemiskinan multidimensi merangkumi kekurangan yang dihadapi oleh orang miskin dalam kehidupan seharian mereka seperti tahap kesihatan dan pendidikan yang rendah, tahap kesejahteraan (*standard of living*), kurang berpengaruh, tahap pekerjaan yang rendah, mangsa keganasan, dan hidup di kawasan yang berbahaya dan berisiko (OPHI, 2018).

Berdasarkan situasi di atas, *United Nation Educational Scientific Organization* (UNESCO) telah mengambil langkah untuk mengukur kemiskinan berdasarkan petunjuk multidimensi (UNESCO, 2016). Namun, dalam pengukuran kemiskinan terdapat kontroversi sama ada lebih baik merangka indeks kemiskinan multidimensi atau hanya bergantung kepada beberapa indikator (Walken, R, 2015).

Menurut (Alkire & Santos, 2010), indeks kemiskinan multidimensi ialah petunjuk tepat kemiskinan multidimensi. Menerusi (UNDP, 2018), indeks kemiskinan multidimensi telah meletakkan 3 dimensi diikuti 10 indikator iaitu kesihatan (kematian kanak-kanak, nutrisi), pendidikan (tahun persekolahan, pendaftaran), dan kesejahteraan (air, kebersihan, bahan tenaga, bahan pembakar).

Pendekatan yang digunakan UNDP ini juga turut diaplikasikan oleh (Muhammad Fuad et al., 2019) untuk mengenalpasti masalah kemiskinan dalam kalangan penduduk orang asli di Terengganu, Malaysia dengan pertambahan dimensi kekayaan. Namun, menurut (Adi, I.R., 2005), beliau telah menggunakan pendekatan pembangunan sosial dengan melihat masalah kemiskinan di Indonesia dari dimensi mikro, mezzo dan makro.

### **Ukuran Had Kifayah**

Pandemik COVID-19 telah menunjukkan jumlah fakir miskin di Malaysia meningkat. Pengagihan zakat pada ketika ini adalah kaedah yang paling sesuai untuk membantu isi rumah yang terjejas dalam kalangan golongan B40 dan M40 yang kehilangan sumber

pendapatan secara tiba-tiba kerana kehilangan pekerjaan dan seumpamanya. Walaupun mereka bukan tergolong dalam kategori individu yang layak menerima zakat pada awalnya, namun disebabkan mempunyai pendapatan yang tidak mencapai had kifayah buat dirinya dan tanggungannya pada saat pasca pemulihan pandemik ini. Maka, mereka ini dianggap sebagai asnaf yang layak menerima bantuan zakat (Nuradli, 2020).

Berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS, 2020), bantuan zakat boleh diagihkan kepada golongan-golongan yang pendapatan mereka terjejas kerana kemelesetan ekonomi ataupun kehilangan pekerjaan disebabkan COVID-19. Fatwa juga menetapkan bahawa mereka yang terjejas dengan COVID-19 kemudian menghadapi kesukaran untuk memenuhi keperluan asasinya sama ada untuk dirinya serta keluarganya, maka layak menerima bantuan zakat. Jika had kifayah bagi negeri Selangor ialah RM2,080 sebulan, contohnya bagi ketua keluarga yang mempunyai tanggungan isteri dan tiga anak, tetapi dalam tempoh pelaksanaan PKP ini mereka tidak mempunyai pendapatan. Secara tidak langsung, mereka termasuk dalam golongan miskin (jika pendapatan kurang daripada had kifayah RM2,080).

Had Kifayah bermaksud kadar kecukupan ekonomi yang selayaknya bagi menjamin kelangsungan hidup seorang individu serta mereka yang berada dalam tanggungannya (Anggoro & Asmak, 2016). Ia berperanan menentukan tahap keperluan yang diperlukan oleh isi rumah untuk menampung keperluan harian dengan mengambil kira pelbagai pembolehubah seperti bilangan ahli dalam isi rumah, kumpulan umur dan lain-lain (Fahme et al., 2014). Begitu juga hal keadaan dan tempat sama ada di kawasan bandaraya, bandar atau luar bandar (Surtahman, 2001).

Penggunaan Had Kifayah ini adalah selari dengan maqasid syariah bertujuan untuk memelihara agama, nyawa, akal fikiran, keturunan dan harta manusia. Bukan itu sahaja, had kifayah merupakan proses bagi menentukan golongan miskin tegar, miskin dari golongan yang tidak miskin (Fahme et al., 2014). Keperluan had kifayah ini diambil kira berdasarkan keperluan Daruriyyat dan keperluan Hajiyyat yang menjadi keperluan minimum seorang individu. Di antara elemen utama dalam menentukan keperluan Had kifayah ialah perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan.

Umumnya, golongan fakir dan miskin itu dinilai dengan ketidakupayaan mereka untuk menyediakan keperluan hidup. Perbezaan antara kedua asnaf ini adalah dari segi jumlah untuk menampung kadar keperluan asasi bagi memelihara kesejahteraan hidup seseorang itu seperti rumah kediaman, pakaian untuk menjaga suhu badan dan seumpamanya di mana orang miskin lebih berkeadaan baik daripada orang fakir. Jumlah keperluan asas di Malaysia adalah berdasarkan pada PGK (Emie, 2010).

### **Analisis Perbandingan Pendekatan Unidimensi, Multidimensi dan Had Kifayah**

Kemiskinan merupakan perkara yang sangat universal. Fakir dan miskin adalah kategori golongan yang layak menerima zakat namun mempunyai tahap kesusahan yang berbeza. Realitinya, adalah sukar untuk mencari kaedah pengukuran yang tepat dan sesuai bagi menentukan fakir dan miskin. Ini kerana kemiskinan sentiasa berubah-ubah mengikut situasi dan boleh berlaku dalam keadaan tidak dapat dijangka. Misalnya, ada setengah individu sudah sedia ada miskin disebabkan ibu atau bapanya miskin, ada sesetengah individu menjadi miskin secara tiba-tiba disebabkan kehilangan pekerjaan, kematian ketua isi keluarga, penceraian, ditimpa kemalangan atau sakit kronik (Wan, 2020).

Di Malaysia, takrifan kemiskinan selama ini disandarkan kepada pendapatan garis kemiskinan (PGK) 2016 di mana isi rumah yang berpendapatan kurang RM 980 dianggap miskin. Kadar PGK ini mendapat kritikan kerana dianggap sempit dalam menentukan individu miskin dan ia dilihat tidak relevan. Buktinya, angka kemiskinan Malaysia telah menurun 0.4 peratus pada 2016 kerana Malaysia meletakkan penanda aras yang rendah sedangkan kadar kemiskinan adalah tinggi (Alston, 2019). Penularan pandemik COVID-19 telah mejejaskan pendapatan ramai pihak. Tidak kurang juga berlaku peningkatan kadar pengangguran dan kemiskinan. Kenaikan had PGK baharu 2019 kepada RM 2,080 sedikit sebanyak menambah baik pengukuran unidimensi ini. Pengkelasan PGK mengikut lokaliti

dapat membantu pembuat polisi dan kerajaan menentukan golongan miskin dan bukan miskin. Namun begitu., peningkatan kadar PGK ini bukan merujuk kepada masalah kemiskinan baharu. Ia boleh jadi telah wujud sebelumnya lagi.

Selain itu, penentuan kemiskinan sedia ada berdasarkan pendekatan unidimensi akan menjadi lebih efektif dengan adanya Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI). Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI) ini direka oleh Oxford Poverty and Human Development Initiative (OPHI) dengan kerjasama UN Development Programme pada tahun 2010. Pengukuran ini direka dengan menggunakan pelbagai dimensi yang berbeza untuk menentukan tahap kemiskinan selain berdasarkan kepada dimensi pendapatan semata-mata.

Antara dimensi tambahan yang digunakan ialah kesihatan dengan menyandarkan kadar kematian anak dan nutrisi pemakanan, pendidikan yang dikira berdasarkan jumlah tahun persekolahan anak-anak dan bilangan ketidakhadiran anak ke sekolah dan juga taraf hidup, termasuklah kemudahan elektrik, sanitasi, air bersih, kebersihan lantai, dapur memasak dan aset kekayaan. Keseluruhan dimensi atau indikator ini akan dikira berdasarkan pemberat relatif bagi setiap keluarga lalu menghasilkan sebuah indeks. Justeru, selain mengukur kemiskinan menggunakan pendekatan unidimensi iaitu pendapatan, indeks kemiskinan multidimensi ini juga berupaya membantu kerajaan dengan lebih tepat dan holistik dalam mengenal pasti sama ada mereka termasuk golongan miskin atau tidak.

Ravallion (2010) mengkritik kaedah MPI dan mempersoalkan pemilihan indikator-indikator yang digunakan. Sebagai contoh apakah mempunyai sebuah radio atau mempunyai lantai yang bersih menandakan keluarga tersebut tidak miskin?. Selain itu, MPI juga tidak mengambil kira situasi ketika berlakunya krisis ekonomi, pengangguran dan bencana alam. Tambahan pula, pemberat relatif juga adalah subjektif dan berbeza-beza bergantung kepada pembuat polisi.

Dalam Islam, had kifayah digunakan untuk mengukur kadar yang melayakkan individu untuk menerima bantuan zakat. Had kifayah ini dilihat mempunyai peranan yang sama dengan kemiskinan unidimensi dan multidimensi. Dalam menentukan kelayakan asnaf fakir miskin, pendapatan isi rumah diambilkira sebagai kriteria utama dan diikuti dengan keperluan asas iaitu makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan, perubatan dan pendidikan.

Kesemua item-item keperluan asas ini adalah selari dengan maqasid syariah memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Sebagai contoh, makanan dan tempat tinggal amat penting bagi pemeliharaan agama dan nyawa seseorang individu, manakala pendidikan sangat penting untuk memelihara akal. Begitu juga pakaian dan pengangkutan penting bagi memelihara keturunan dan harta. Manakala, perubatan, utiliti dan komunikasi merupakan item yang dikategorikan sebagai keperluan tambahan kepada seseorang individu yang mana sekiranya tidak dipenuhi akan mendatangkan kesulitan kepada manusia tetapi tidak sampai mengancam agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Azman, 2017).

Secara keseluruhannya, kaedah penentuan kemiskinan ini saling melengkapi antara satu sama lain yang mana ia bukan sahaja mengukur kemiskinan dari sudut kuantiti iaitu kekurangan pendapatan bahkan ia turut mengukur kualiti kesejahteraan individu dan isi rumah secara multidimensi.

## **PENUTUP**

Krisis COVID-19 global yang melanda negara telah menjejaskan kehidupan dan aktiviti masyarakat. Ia bukan sahaja krisis kesihatan awam yang mengancam nyawa manusia, bahkan ia adalah krisis ekonomi terburuk yang dialami oleh negara. Pandemik COVID-19 dan tempoh sekatan pergerakan secara khusus telah mendedahkan realiti kemiskinan, terutama bagi mereka yang memperoleh gaji harian berikutan kehilangan sumber pendapatan sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. Ini disebabkan banyak sektor

perniagaan dan perkhidmatan terpaksa menghentikan operasi secara tiba-tiba sekaligus memberi kejutan permintaan.

Apa yang lebih membimbangkan adalah senario pasca COVID-19 bakal menyaksikan ketiadaan peluang pekerjaan disediakan. Ini sekaligus meningkatkan kadar pengangguran. Apabila ruang bagi mendapatkan pekerjaan terhad, maka kemahiran tambahan perlu disediakan oleh pihak berwajib untuk individu yang terkesan bagi membolehkan mereka bersaing dalam pasaran pekerjaan dan meneruskan survival kehidupan yang mencabar selepas pasca COVID-19.

Berdasarkan perbincangan di atas, umumnya pengukuran kemiskinan terbahagi kepada dua iaitu kaedah pengukuran menurut Islam berdasarkan had kifayah dan pengukuran konvensional iaitu kaedah unidimensi dan Indeks Kemiskinan Multidimensi. Dalam hal ini, kaedah pengukuran berdasarkan had kifayah ini lebih terkehadapan kerana had kifayah ini boleh digunakan mengikut keadaan semasa yang berlaku dan diselarikan dengan pendekatan maqasid syariah. Had kifayah juga disifatkan komprehensif iaitu ia merangkumi keperluan rohani, kewangan dan bukan kewangan yang membolehkan institusi zakat menentukan "siapa yang layak menerima zakat". Dengan adanya had kifayah ini, garis kecukupan penentuan gaji minimum dapat ditentukan oleh pemerintah bagi membolehkan keperluan asas dapat dipenuhi oleh setiap isi rumah dan tanggungannya.

### **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MOHE) dan Universiti Teknologi Mara (UITM) di atas penajaan dana geran penyelidikan FRGS (600-IRMI/FRGS 5/3 (390/2019) bertajuk "Kajian Penentuan Asnaf Fakir Miskin Berasaskan Multidimensi di Institusi-Institusi Zakat di Malaysia".

### **RUJUKAN**

- Bank Negara Malaysia. 2020. *Tinjauan Ekonomi dan Monetari. Prospek dan Dasar pada Tahun 2020*. BNM.
- Chamhuri Siwar. 2001. *Pembangunan Mampan: Strategi 'Menang-menang' untuk Pembasmian Kemiskinan dan Pemuliharaan Alam Sekitar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chamhuri Siwar, Mohd Khairi Ismail, Nurul Ashikin Alias & Siti Zalikha Zahari. 2019. *Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40) di Malaysia: Mengenal Pasti Trend, Ciri, Isu dan Cabaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Eikhwan Ali & Mahirah A Rashid. 2020. *Pandemik COVID-19: Mendepani Impak Psikososial*. Terengganu. Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS).
- OECD. 2013. *Economic Well-Being In OECD Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth*. Paris: OECD Publishing.
- Oxford Poverty and Human Development Initiative (OPHI). 2018. *Global Multidimensional Poverty Index: The Most Detailed Picture to Date of The World's Poorest People*. United Kingdom: Oxford Poverty and Human Development Initiative (OPHI)
- Ravallion, M. 2010. *Policy Research Working Paper 5284: Poverty Lines Across the World*. Washington DC: Development Research Group World Bank.
- Surtahman Kastin Hasan. 2001. *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Jurnal**

- Adi, I.R. 2005. Kemiskinan Multidimensi. *Makara Seri Sosial Humaniora*, 9(1), 27-33.
- Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Faisol Ibrahim, Muhammad Ridhwan Ab Aziz & Fuadah Johari. 2014. *Konsep dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar dan Jantina dalam Pengagihan Zakat*. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol. 8, 2014.
- Alkire, S., & Santos, M.E. 2010. *Acute Multidimensional Poverty: A New Index For Developing Countries*. OPHI Working Paper 38. United Kingdom: University of Oxford.

- Alkire, S. & Seth, S. 2009. *Measuring Multidimensional Poverty in India: A New Proposal*. OPHI Working Paper No. 15. United Kingdom: University of Oxford.
- Anggoro & Asmak. 2016. *Eksplorasi Indikator dalam Menentukan Fakir dan Miskin Berdasarkan Had Al-Kifayah Zakat: Kajian di Lampung Indonesia*. Shariah Journal, Vol. 24, No. 3.
- Azman A.R, Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin, & Zulhilmi Mohamed Nor. 2017. *Penentuan Had Kifayah Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah*. *Sains Insani* 2017, Vol. 2, No.1.
- Emie Sylviana Mohd Zahid. 2010. *Peranan Had Al-Kifayah dalam Skim Bantuan Zakat Asnaf Fakir dan Miskin di Lembaga Zakat Selangor*. The 5th ISDEV International Graduate Workshop USM, 21–22 September.
- Junaidi Mansor & Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim. 2020. *Cabaran dan Strategi Pasca-Pandemik untuk Belia*. KRI Discussion Paper. Khazanah Research Institute.
- Muhammad Fuad Abdullah, Azmah Othman & Rohana Jani. 2019. *Pengukuran Kesejahteraan Hidup Orang Asli Menggunakan Indeks Kemiskinan Multidimensi*. *Akademika*, 89(3), 155-165.
- Norzita Jamil & Siti Hadijah Che Mat. 2014. *Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal*. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48 (1), 167-177.
- Walker, R. 2015. *Multidimensional Poverty*. GSDRC Professional Development Reading Pack No. 22. Birmingham, UK: University of Birmingham.

#### **Internet**

- Fazli. 2020. Kesedaran Rakyat Miliki Dana Kecemasan Masih Kurang. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/04/678486/kesedaran-rakyat-miliki-dana-kecemasan-masih-kurang> (diakses pada 27 Januari 2021).
- Irwan. 2020. Penularan Semula COVID-19 Rencat Usaha Pulih Ekonomi. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/07/715541/penularan-semula-covid-19-rencat-usaha-pulih-ekonomi> (diakses pada 27 Januari 2021).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. Laporan Survei Khas Kesan Covid-19 Kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 1). Jabatan Perangkaan Malaysia. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Analisis\\_Survei\\_Khas\\_Kesan\\_COVID-19\\_Kepada\\_Ekonomi\\_dan\\_Individu-Laporan\\_Penuh.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Analisis_Survei_Khas_Kesan_COVID-19_Kepada_Ekonomi_dan_Individu-Laporan_Penuh.pdf)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. Perangkaan Tenaga Buruh, Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1\\_Articles\\_By\\_Themes/Labour\\_Force/Statistik%20Tenaga%20Buruh,%20Malaysia,%20Mac%202020%20\(Website\).pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1_Articles_By_Themes/Labour_Force/Statistik%20Tenaga%20Buruh,%20Malaysia,%20Mac%202020%20(Website).pdf) (diakses pada 27 Januari 2021).
- Jawatankuasa Fatwa, Majlis Ugama Islam Singapura. 2020. *Fatwa On Zakat Assistance For Those Affected By Covid 19 (Malay)*. Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura. <https://www.muis.gov.sg/officeofthemufti/Fatwa/Zakat-Covid-Malay> (diakses pada 27 Januari 2021).
- KPWKM. 2020. Kenyataan Media: KPWKM Tambah Baik Bantuan Kebajikan Menepati Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Baharu. 26 Julai 2020. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/KenyataanMedia/2020/FINAL%20KM%20YBM%2026%20JULAI%202020.pdf> (diakses pada 27 Januari 2021).
- Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali. 2020. RM303 Bilion Sudah Hilang. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/03/559832/rm303-bilion-sudah-hilang> (diakses pada 27 Januari 2021).
- PENJANA. 2020. Bersama Menjana Ekonomi Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek Jun-Disember 2020. PENJANA. <https://penjana.treasury.gov.my/pdf/PENJANA-Booklet-Bm-v3.pdf> (diakses pada 27 Januari 2021).

- Summer, A. Hoy, C. & Juarez, O.E. 2020. Estimates Of The Impact Of COVID-19 On Global Poverty. UNU-WIDER. <https://blogs.worldbank.org/opendata/impact-covid-19-global-poverty-under-worsening-growth-and-inequality> (diakses pada 27 Januari 2021).
- United Nation Development Programme (UNDP). 2018. Human Development Reports: The 2018 Global Multidimensional Poverty Index (MPI). <http://hdr.undp.org/en/2018-MPI> (diakses pada 27 Januari 2021).
- UNESCO. 2016. Learning To Live Together: Poverty. <http://www.unesco.org/new/en/socialand-human-sciences/themes/internationalmigration/glossary/poverty/> (diakses pada 20 Januari 2021).
- Wan. 2020. Malaysia Perlu Bersedia Hadapi Kemiskinan Situasi. Kelantan: INSPEK, Universiti Malaysia Kelantan. <http://inspek.umk.edu.my/index.php/en/component/k2/item/181-malaysia-perlu-bersedia-hadapi-kemiskinan-situasi> (diakses pada 27 Januari 2021).
- World Bank. 2020. The World Bank in Malaysia. The World Bank Group. <https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/overview> (diakses pada 27 Januari 2021).
- World Bank. 2018. Poverty and Shared Prosperity Piecing Together The Poverty Puzzle. Washington: The World Bank. <https://www.worldbank.org/en/publication/poverty-and-shared-prosperity-2018> (diakses pada 27 Januari 2021).

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*